

# Lagi mangsa Lubuk Yu meninggal

Kosmo 28/07/2010 M/S 2

Oleh KHAIRATUL AINAL  
ABDUL KARIM  
berita@kosmo.com.my

KUANTAN – Seorang pegawai bomba yang dijangkiti wabak Melioidosis dan Leptospirosis selepas menyertai misi mencari seorang mangsa lemas di Hutan Lipur Lubuk Yu, Maran meninggal dunia di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) Temerloh semalam.

Mohd. Nor Abidin Ismail (**gambar**), 50, yang bertugas di Balai Bomba Jengka dan tinggal di Felda Jengka 2, Maran disahkan meninggal dunia akibat serangan jantung koronari pada pukul 3.11 pagi.

Kematian beliau menjadikan bilangan mangsa yang maut akibat jangkitan kuman tersebut adalah tujuh orang.

Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Rosnah Ismail memberitahu, selain dijangkiti dua bakteria itu, mangsa turut menghidap penyakit kencing manis

dan keracunan darah.

“Mangsa telah dimasukkan ke Hospital Jengka pada 3 Julai lalu sebelum dirujuk ke HoSHAS pada 8 Julai untuk rawatan lanjut di Unit Rawatan Rapi dan diberi rawatan antibiotik.

“Apabila semakin stabil, dia telah dipindahkan ke wad biasa sebelum mendapat serangan jantung koronari dan meninggal dunia,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, isteri Allahyarham Mohd. Nor Abidin tidak menyangka suaminya akan meninggal dunia kerana sebelum itu dia dilaporkan beransur sembuh.

Nor Zakiah Mohd. Jusoh, 40, berkata, suaminya tidak menunjukkan sebarang tanda kritikal bahkan telah dipindahkan ke wad biasa selepas didapati stabil sebelum meninggal dunia.

“Semasa operasi mencari mangsa lemas itu, suami saya tidak menyelam ke dasar sungai, dia hanya menjaga peralatan bomba.



KERATAN muka depan Kosmo! Ahad 11 Julai 2010.

“Selepas selesai operasi, dia mula demam dan ditempatkan di ICU kerana bakteria itu memberi kesan kepada tubuhnya ditambah suami saya turut menghidap kencing manis,” katanya ketika ditemui di Tanah Perkuburan Islam Mat Kilau di Jerantut semalam.

Turut hadir menziarahi keluarga mangsa ialah Penolong

Ketua Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Amer Yusof; Penolong Ketua Pengarah Bahagian Latihan, Zulkarnain Mohd. Kassim dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Damak, Datuk Lau Lee.

Jenazah Allahyarham selamat dikebumikan pada pukul 11.30 pagi.

“Suami saya tidak menyelam, dia hanya menjaga peralatan bomba

NOR ZAKIAH MOHD. JUSOH